



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

PRODUK ISCLUSIG (PONATINIB) TABLET YANG DIPALSUKAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima notifikasi daripada *World Health Organization* (WHO) mengenai produk berjenama Iclusig dengan bahan aktif Panotinib yang **dipalsukan (*falsified*)**, digunakan sebagai rawatan penyakit *chronic myeloid leukemia*.

Untuk makluman, produk ini **tidak didaftarkan di Malaysia** dan dibawa masuk dengan keizinan di bawah Peraturan 15(6), Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 atas permintaan dan permohonan daripada pakar perubatan untuk pesakit tertentu. **Hasil semakan, didapati hanya seorang pesakit sahaja yang terlibat dan KKM telah mengambil langkah menghubungi hospital dan pesakit berkenaan untuk tindakan kuarantin produk tersebut.**

Pihak Perkhidmatan Farmasi KKM akan bekerjasama dengan pihak WHO dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan untuk menyiasat perkara ini. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh diajukan melalui talian 03 78413200 atau dengan melayari portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my>.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

25 Februari 2019